

BAHASA MELAYU LANJUTAN (0016)

1 OBJEKTIF PENILAIAN

Peperiksaan Bahasa Melayu Lanjutan Peringkat PSLE bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Rendah 2008, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa Melayu Lanjutan bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) membaca dan memahami pelbagai jenis teks dan memberikan respons terhadap teks seperti:
 - mengenal pasti maklumat khusus yang diperlukan
 - mengenal pasti idea utama
 - memastikan sebab dan akibat
 - membuat perbandingan
 - membuat inferens/kesimpulan yang mudah tentang makna yang tersirat
 - mengenal pasti sebab/penjelasan untuk menyokong sesuatu respons atau pendapat
 - mengenal pasti makna perkataan mengikut konteks;
- (b) mengaplikasikan pengetahuan kosa kata dan tatabahasa dalam konteks yang sesuai;
- (c) menulis pelbagai jenis karangan dengan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi; dan
- (d) berinteraksi melalui penulisan dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi.

2 **FORMAT PEPERIKSAAN**

Format Peperiksaan bagi Bahasa Melayu Lanjutan Peringkat PSLE terbahagi kepada:

- Kertas 1: Karangan
- Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

Kertas 1: Karangan – 40 markah (40%)

Kertas ini mengandungi 2 soalan. Calon dikehendaki menjawab 1 daripada 2 soalan yang dikemukakan dengan menggunakan tidak kurang daripada 180 patah perkataan. Bagi soalan pertama, calon dikehendaki menulis karangan berdasarkan topik dan senario yang diberikan. Bagi soalan kedua, calon dikehendaki menulis karangan berdasarkan permulaan yang diberikan. Masa yang diperuntukkan ialah 50 minit. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.

Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman – 60 markah (60%)

Kertas ini terbahagi kepada 3 bahagian – Bahagian A, B dan C. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Calon tidak dibenarkan menggunakan kamus untuk bahagian ini. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 20 minit.

(a) Bahagian A (20 markah)

Bahagian ini mengandungi soalan tatabahasa.

- Soalan A1: Peribahasa (10 markah)

Bahagian ini mengandungi 5 soalan berbentuk mengisi tempat kosong (FIB). Calon dikehendaki mengenal pasti peribahasa yang tepat daripada senarai yang disediakan berdasarkan situasi yang diberikan.

- Soalan A2: Mengedit Teks (10 markah)

Bahagian ini mengandungi 5 soalan berbentuk respons bebas. Calon dikehendaki mengenal pasti 5 patah perkataan yang disalah imbuah atau disalah guna. Kemudian, calon dikehendaki membetulkan perkataan yang disalah imbuah dengan imbuhan yang betul dan menggantikan perkataan yang disalah guna dengan perkataan yang sesuai mengikut penggunaannya dalam teks.

(b) Bahagian B: Kefahaman 1 (16 markah)

Bahagian B mengandungi 6 soalan berbentuk respons bebas berdasarkan satu teks yang panjangnya lebih kurang 240 patah perkataan. Antara soalan yang diuji termasuk soalan yang berbentuk mengenal pasti idea utama dan kosa kata. Calon dikehendaki menyusun maklumat yang diperolehi dengan menggunakan kaedah menyusun maklumat misalnya, menyusun mengikut urutan, membuat perbandingan, memastikan kesan dan akibat serta menentukan maklumat yang diberikan betul atau salah berserta rasionalnya.

(c) Bahagian C: Kefahaman 2 (24 markah)

Bahagian C mengandungi 7 soalan berbentuk respons bebas berdasarkan satu teks yang panjangnya lebih kurang 320 patah perkataan. Calon dikehendaki menjawab 6 soalan kefahaman. Bagi soalan kosa kata, calon dikehendaki memberikan maksud perkataan dan/atau frasa yang diberikan mengikut konteks.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

3 JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Soalan	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (50 minit)	Karangan	Respons Bebas	2 (1)	40 (40%)	Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.
	1 Karangan berdasarkan topik dan senario yang diberikan				
	2 Karangan berdasarkan permulaan cerita yang diberikan				
	Subtotal	-	2 (1)	40 (40%)	-
2 (1 jam 20 minit)	Penggunaan Bahasa dan Kefahaman				
	<u>Bahagian A</u> A1: Peribahasa	FIB	5 (5)	10 (10%)	Calon dikehendaki mengenal pasti peribahasa yang tepat berdasarkan situasi yang diberikan.
	A2: Mengedit Teks	Respons Bebas	5 (5)	10 (10%)	Calon dikehendaki mengenal pasti 5 patah perkataan yang disalah imbuah atau disalah guna. Kemudian, calon dikehendaki membetulkan perkataan yang disalah imbuah dengan imbuhan yang betul dan menggantikan perkataan yang disalah guna dengan perkataan yang sesuai mengikut penggunaannya dalam teks.
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman 1	Respons Bebas	6 (6)	16 (16%)	Calon dikehendaki menjawab 6 soalan berbentuk respons bebas termasuk soalan yang berbentuk mengenal pasti idea utama dan kosa kata.
	<u>Bahagian C</u> Kefahaman 2	Respons Bebas	7 (7)	24 (24%)	Calon dikehendaki menjawab 7 soalan berbentuk respons bebas termasuk soalan kosa kata.
	Subtotal	-	23 (23)	60 (60%)	-
	Total	-	25 (24)	100 (100%)	-

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU LANJUTAN
PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

Darjah 3 dan 4

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
1.	ada akal	memiliki idea
2.	ada bakat	berkebolehan, berkeupayaan
3.	ada hati	ada kemahuan atau keinginan atau cita-cita untuk melakukan atau memiliki sesuatu
4.	ada jalan	mempunyai cara untuk melakukan sesuatu
5.	ambil berat	a. memberikan perhatian atau menumpukan perhatian dengan sepenuh hati b. mengambil tahu tentang sesuatu
6.	ambil hati	berasa kecewa atau tersinggung kerana kelakuan atau perbuatan seseorang
7.	anak emas	orang yang sangat disayangi
8.	baik budi	berperangai mulia dan mempunyai peribadi yang baik
9.	berat sebelah	a. tidak adil b. menyebelahi satu pihak
10.	besar hati	perasaan bangga atau gembira terhadap sesuatu pemberian atau pertolongan
11.	buah tangan	barang yang dibawa sebagai hadiah
12.	campur tangan	masuk campur dalam sesuatu urusan
13.	cari jalan	berikhtiar mengatasi masalah ataupun mencari peluang meneruskan sesuatu yang dirancang
14.	hati emas	sangat baik hati
15.	hidung tinggi	sombong

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU LANJUTAN
PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
16.	ikat perut	a. lokek atau kedekut b. mengurangkan makan kerana hendak berjimat
17.	jaga mulut	hati-hati apabila bercakap
18.	jalan tengah	tidak berat sebelah atau tidak memihak kepada sesiapa
19.	keras hati	sangat degil
20.	lepas tangan	a. tidak mahu mengambil tahu b. tidak mahu bertanggungjawab dalam sesuatu perkara
21.	lurus akal	jujur
22.	membawa nasib	mencari penghidupan di tempat lain
23.	muka tembok	tidak tahu malu
24.	murah hati	suka memberikan bantuan
25.	orang tengah	pendamai antara dua pihak
26.	ringan mulut	peramah/mudah menyatakan pendapat
27.	ringan tulang	rajin bekerja
28.	tajam akal	cepat menerima pelajaran
29.	tanda mata	hadiah yang diberikan sebagai kenangan
30.	tolak ansur	a. bersefahaman b. saling memberi

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU LANJUTAN
PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

Darjah 5 dan 6

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
1.	air dicencang tiada putus	dua orang yang bersaudara tidak dapat dipisahkan oleh perselisihan
2.	bagai aur dengan tebing	hidup saling bekerjasama
3.	bagai dakwat dengan kertas	tidak pernah bercerai, sangat cocok
4.	bagai isi dengan kuku	sangat rapat
5.	bagai menghitung bulu kambing	mengerjakan sesuatu yang sia-sia
6.	bagai tikus membaiki labu	orang yang cuba membaiki sesuatu yang tidak diketahuinya, akhirnya merosakkannya
7.	banting tulang	kerja keras dengan bermati-matian
8.	berani mati	sangat tekad
9.	diam-diam ubi	pendiam tetapi berfikir atau banyak pengetahuan
10.	kata putus	a. ketentuan terakhir b. keputusan rundingan
11.	lapang dada	berasa senang atau mempunyai perasaan yang sabar
12.	makan suap	menerima rasuah
13.	memerah otak	a. berfikir b. belajar bersungguh-sungguh
14.	mengorak langkah	berikhtiar
15.	panjang akal	bijaksana

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU LANJUTAN
PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
16.	perah tenaga	bertungkus-lumus
17.	putih hati	ikhlas
18.	seperti anjing dengan kucing	dua orang yang sering bertengkar apabila bertemu
19.	seperti garam jatuh di air	cepat meresap atau segera dimengerti nasihat atau pelajaran
20.	seperti kacang lupakan kulit	tidak mengenang jasa atau budi orang yang pernah membela atau menolongnya
21.	seperti katak di bawah tempurung	a. terhad pengetahuan atau pengalaman b. apa yang diketahui ialah hal-hal yang ada di sekelilingnya sahaja
22.	seperti lipas kudung	a. selalu bergerak dengan cepat b. selalu sibuk bekerja
23.	seperti pahat dengan penukul	satu sama lain bantu-membantu
24.	tahan hati	tabah
25.	tahan uji	berani diuji kebaikan atau keberanian
26.	tajam hati	pintar atau cerdas
27.	tajam ingatan	a. tidak cepat lupa b. sentiasa ingat apa yang berlaku di sekitarnya
28.	tangan kosong	datang bertandang ke sesuatu tempat tanpa membawa apa-apa
29.	tangan terbuka	menerima kedatangan seseorang dengan gembira atau sukacita
30.	tulang belakang	sumber kekuatan atau orang yang dianggap tempat berlindung dalam sesuatu kumpulan dan lain-lain

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU LANJUTAN
PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

**Tambahan
Darjah 5 dan 6 (Bahasa Melayu Lanjutan)**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
1.	ayam tambatan	orang harapan
2.	bagai cembul dengan tutup	memang sesuai benar
3.	bagai lebah menghimpun madu	sangat rajin
4.	buka pintu	a. memberikan kebenaran masuk b. memberikan peluang untuk berunding
5.	seperti air dalam kolam	orang yang tenang sikap dan tingkah lakunya
6.	seperti ikan pulang ke lubuk	orang yang telah balik ke tempat asalnya payahlah hendak berdagang semula
7.	seperti menatang minyak yang penuh	sangat dikasihi dan dipelihara dengan sempurnanya
8.	tanam budi	berbuat baik
9.	tumbuk rusuk	memberikan rasuah
10.	umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul jua	orang yang baik biar di mana sekalipun akan dimuliakan juga